

NO. SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]

TARIKH : 14MAC 2016

RUJUKAN : 8572

SOALAN:

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kompaun trafik yang dikeluarkan oleh polis sejak tahun 2010 dan bilangan kompaun yang masih belum dibayar oleh pemandu kereta. Apakah peningkatan kompaun trafik dapat mencegah peningkatan kemalangan jalanraya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod dalam Sistem Trafik COPS (*Compound Online Payment System*) PDRM, jumlah saman trafik yang dikeluarkan kepada pesalah lalulintas sepanjang tempoh 2010 hingga tahun 2015 adalah seperti berikut:

Tahun	Saman dikeluarkan	Saman selesai / Jelas	Nilai kompaun (RM)	Saman Tertunggak	Nilai saman tertunggak (RM)
2010	4,889,507	3,619,148	373,012,701	1,270,359	127,035,900
2011	4,172,579	2,358,686	282,994,125	1,813,893	181,389,300
2012	4,341,856	2,250,705	265,114,457	2,091,151	209,115,100
2013	4,851,002	2,136,109	237,991,743	2,714,893	271,489,300
2014	5,482,683	2,189,533	263,059,085	3,293,150	329,315,000
2015	4,689,786	1,278,746	155,098,009	3,411,040	341,104,000
Jumlah	28,427,413	13,832,927	1,577,270,120	14,594,486	1,459,448,600

(sumber sistem TCOPS 23/02/2016)

Ketua Polis Negara telah mencadangkan untuk menaikkan kadar kompaun jalanraya bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada pengguna jalanraya agar lebih berhati-hati dan lebih berhemah semasa memandu disamping untuk mendidik masyarakat ke arah mengurangkan kes kemalangan jalanraya terutama atas kesalahan yang boleh menyumbang berlakunya kemalangan seperti memandu terlalu laju, memotong di garisan berkembar, potong "Q", tidak berhenti di lampu isyarat berwarna merah dan sebagainya. Nilai kompaun maksimum tidak pernah dikaji sejak Akta Pengangkutan Jalan Raya 1987 dikuatkuasakan 29 tahun yang lalu. Nilainya terlalu rendah dalam situasi masakini di samping kadar kompaun sedia ada tidak menimbulkan perasaan takut kepada pengguna jalanraya.

Walau bagaimanapun, perkara ini masih di peringkat kajian dan sedang mendapatkan semua pandangan daripada pihak yang berkepentingan sebelum dilaksanakan.